BAHASA MELAYU
TINGKATAN 4&5

NAMA PENUH :		KELAS :	TARIKH :
TAJUK :	NOVEL SILIR DAKSINA	SP : 2.1.2 (T5) SP : 4.1.1 (T4)	RUJUKAN : TEKS KOMSAS
KRITERIA KEJAYAAN :	1. Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi. 2. Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respon peribadi yang sesuai terhadap karya.		
AKTIVITI :	1. Murid dapat membaca petikan prosa dan puisi 2. Murid dapat menyatakan respon peribadi yang sesuai terhadap karya.		

LATIHAN 1

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Tentulah tidak," balas Muhammad Taufik, nadanya tenang sahaja.
"Saya telah memutuskan bahawa kelip-kelip di Kuala Selangor berada di ambang kepupusan. Kedatangan pelancong yang ramai, hampir 100 ribu orang pada setiap tahun,dengan semua entiti yang datang bersama mereka seperti suara manusia, bunyi enjin motobot, cahaya lampu di jeti, pencemaran air sungai yang mengancam pokok-pokok berembang, pemusnahan kawasan paya bakau, cahaya dari kawasan petempatan manusia, dan cahaya roda ferris, semuanya membawa ancaman kepada populasi kelip-kelip. Kelip-kelip ini, yang telah wujud jutaan tahun di tempat ini dan tidak pernah mendatangkan sebarang kesusahan kepada manusia di sini akan mengalami kepupusan dalam masa setahun sahaja jika keadaan sedia ada berterusan.

Dipetik daripada Novel Bimasakti Menari
karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Pilih jawapan yang tepat dan masukkan dalam ruang jawapan yang disediakan mengikut turutan jawapan.

pemusnahan kawasan paya bakau	Kelip-kelip ini, yang telah wujud jutaan tahun di tempat ini	Pencemaran air sungai yang mengancam pokok-pokok berembang
cahaya dari kawasan petempatan manusia dan cahaya roda ferris	suara manusia, bunyi enjin motobot dan cahaya lampu di jeti	kelip-kelip di Kuala Selangor berada di ambang kepupusan

BIL	SOALAN
1	Nyatakan faktor-faktor populasi kelip-kelip di Kuala Selangor semakin berkurangan. [4 markah] Faktor-faktor populasi kelip-kelip di Kuala Selangor semakin berkurangan ialah

LIVEWORKSHEETS

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 4&5

LATIHAN 2

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan sebab-sebab permulaan cerita tersebut menarik perhatian pembaca. (6 markah)

Susun turutan jawapan berikut dengan betul

Sebab pertama permulaan cerita tersebut menarik minat pembaca ialah apabila Haiqal Hakimi menerima sebuah manuskrip daripada orang yang tidak dikenalinya. Manuskrip tersebut adalah daripada Ong See Hwa yang merupakan hasil tulisan arwah ayahnya Abdullah bin Kayan.

Novel yang telah saya kaji dalam tingkatan lima ialah Silir Daksina Karya Nizar Parman.

Sebab-sebab permulaan cerita tersebut menarik minat pembaca ialah apabila Haiqal Hakimi menerima sebuah manuskrip daripada orang yang tidak dikenalinya dan sebelum Haiqal memasuki sekolah tadika, uminya telah memberitahu bahawa walid itu bukanlah ayah kandungnya.

Sebab kedua permulaan cerita tersebut menarik minat pembaca ialah sebelum Haiqal memasuki sekolah tadika, uminya telah memberitahu bahawa walid itu bukanlah ayah kandungnya. Sewaktu ayahnya meninggal dunia, Haiqal tidak dapat mengikut umi dan walidnya menziarahi jenazah arwah ayahnya kerana dia sedang menduduki peperiksaan UPSR.

LIVEWORKSHEETS